

## Majlis Sambutan Aidiladha dan Ibadah Korban bagi 1438 Hijrah / 2017 Masihi



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kiri) mengagihkan daging korban kepada penerima.**

**BERAKAS**, Isnin, 4 September.- Dalam usaha untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sebanyak empat ekor kerbau dan dua ekor kambing dikorbankan pada Majlis Ibadah Korban yang diselenggarakan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya, bertempat di Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging korban ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis dimulakan dengan Takbir Hari Raya beramai-ramai dan diserikan dengan ceramah khas bertajuk 'Hikmah di sebalik Pengorbanan dan Perjuangan Nabi Ibrahim Al-Khalil Alaihissalam', disampaikan oleh Penolong Pensyarah di Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan

## Kementerian HEDN

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Sharif Ali (UNISSA), Dr. Ahmad Asri Lubis.

Penerima-penerima daging korban terdiri daripada kalangan warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta 31 asnaf fakir miskin yang berdaftar dan menetap di Mukim Berakas 'A' dan 'B'.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'; Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, selaku Penghulu Mukim Kota Batu dan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

Juga hadir ialah Timbalan

Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar serta ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari KHEDN juga jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) tersebut merupakan aktiviti keagamaan tahunan KHEDN sebagai tanda kesyukuran di atas nikmat serta rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala juga memberi peluang kepada warga KHEDN untuk mengerjakan ibadah korban sunat yang sangat dituntut dan tinggi nilainya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

## Kementerian Pendidikan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**GADONG**, Isnin, 4 September. - Seramai 182 warga Kementerian Pendidikan menerima daging korban hasil sumbangan daripada 37 pegawai dan kakitangan kementerian termasuk Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan serta Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap kementerian berkenaan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Katok, di sini.

Pengagihan daging korban disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran

Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Penerima-penerima daging korban terdiri daripada penduduk kampung sekitar kawasan Katok, Katok 'A', Katok 'B', Rimba, Meragang, Batu Bersurat, Tungku, Beribi, Mengkubau, Kiarong, Kiulap, Anggerek Desa, Lapangan Terbang Lama Berakas, Orang Kaya Besar Imas, Tutong Kem, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri dan Perpindahan Lambak Kanan.

Majlis anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum bertujuan untuk mewujudkan sifat tabah dan sabar dalam jiwa warga Kementerian Pendidikan dalam mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala, melahirkan

generasi Islam dalam kalangan pegawai juga kakitangan kementerian berkenaan, di samping untuk menghayati pengorbanan Nabi Ibrahim dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus meraikan Aidiladha bagi Kementerian berkenaan.

Juga hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh dan Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kiri) mengagihkan daging korban kepada warga Kementerian Pendidikan.**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 5 September. - Ibadah korban merupakan ibadah sunat yang sangat dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang juga dikenali sebagai Sunat Muakkad.

Dari segi istilah korban bermaksud menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha yang jatuh pada setiap 10 Zulhijjah dan Hari Tasyrik, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah dengan tujuan untuk beribadah atau menghampirkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Yayasan Sultan

**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengurus Lembaga Pengaruh YSHHB (kiri) menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima.**

## YSHHB

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) turut menganjurkan Majlis Ibadah Korban dan Sambutan Aidiladha bagi Tahun 1438H / 2017M.

Pengagihan daging korban disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengurus Lembaga Pengaruh YSHHB.

Majlis disertai seramai 59 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan YSHHB. Tahun ini, sebanyak lapan ekor kerbau dan tiga ekor kambing telah dikorbankan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan penyampaian daging-daging korban kepada para peserta ibadah korban dan wakil-wakil

kepada fakir miskin.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan Badan Kebajikan Pekerja YSHHB kepada DANA Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim sebanyak BND500 dan juga penyampaian sumbangan TADEKHA kepada DANA Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk anak-anak yatim sebanyak BND500.

Manakala sumbangan TADEKHA kepada Tabung Kompleks Rumah Kebajikan Kampung Belimbang Subok sebanyak BND300.

Turut hadir Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny; penolong-penolong pengarah urusan, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB.